

26 APR 2002

KEKALKAN PERPADUAN, ULANGI DR MAHATHIR

KUALA KEDAH, 26 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi kenyataannya supaya umat Islam di negara ini mengekalkan keamanan melalui perpaduan sekurang-kurangnya dalam bidang agama walaupun pegangan politik mereka berbeza.

"Janganlah kita berpecah-belah dalam soal agama kerana agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W. hanyalah satu sahaja," katanya ketika berucap selepas solat Jumaat di Masjid Putra di sini.

Umat Islam dapat membangunkan diri mereka sekiranya bersatu hati dan seterusnya ini akan membolehkan mereka membantu umat Islam yang kurang bernasib baik di negara lain, katanya.

Malaysia aman kerana majoriti umat Islam di negara ini tidak menimbulkan perpecahan, katanya.

Faktor yang menyebabkan umat Islam di dunia ini sekarang dihina dan ditindas ialah ketiadaan perpaduan di kalangan mereka dan negara-negara Islam, kata Dr Mahathir.

Ekoran perpecahan itu umat Islam masih lemah walaupun mereka berjumlah 1.3 bilion di seluruh dunia, katanya.

-- BERNAMA

JM NMO